

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS HARI KUALITI DAN
PENGHARGAAN PETUGAS MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA UTeM**

**TEMPAT:
SERI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :
25 OGOS 2007**

TEKS UCAPAN YBHG. NAIB CANSELOR SEMPENA
MAJLIS HARI KUALITI DAN PENGHARGAAN
PETUGAS MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA UTeM,
PADA 25 OGOS 2007, JAM 8.00 MALAM,
BERTEMPAT DI DEWAN SERI NEGERI, AYER
KEROH MELAKA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT DAN SALAM
SEJAHTERA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI (DR.)
MOHD SALEH BIN SULONG, PENGERUSI LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KEPADA ALLAH
SWT KERANA DENGAN LIMPAH DAN RAHMATNYA
KITA DAPAT BERHIMPUN PADA HARI INI UNTUK
MENJAYAKAN SAMBUTAN MAJLIS HARI KUALITI
UTeM 2007 DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI
TAHUN 2006.

MAJLIS INI DIADAKAN JUGA BERTUJUAN UNTUK
MENGHARGAI SUMBANGAN OLEH STAF-STAF YANG
TERLIBAT SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN UTeM
KETIGA PADA 04 & 05 OGOS 2007 YANG LALU. SAYA
MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH DI

ATAS USAHA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT MENJAYAKAN KONVOKESYEN TERSEBUT.

KONVOKESYEN KETIGA YANG DIADAKAN TELAH BERJALAN DENGAN BAIK DAN LANCAR BERKAT USAHA GIGIH DAN KERJA KUMPULAN (TEAM BUILDING) YANG PADU, YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH SEMUA STAF UNIVERSITI. IA LAHIR DARI RASA TANGGUNGJAWAB DAN KEPRIHATINAN SETIAP WARGA UNIVERSITI BAGI MELIHAT UNIVERSITI INI BERJAYA.

MAJLIS PESTA KONVOKESYEN (CONVO FEST) YANG DIADAKAN SERENTAK DENGAN MAJLIS KONVOKESYEN JUGA TELAH DIADAKAN DALAM SUASANA YANG MERIAH. AKTIVITI-AKTIVITI PESTA KONVOKESYEN TELAH MENDAPAT SAMBUTAN BAIK DARI WARGA UNIVERSITI DAN ORANG RAMAI TERUTAMANYA PROGRAM MAJLIS FORUM

PERDANA YANG TURUT DIHADIRI OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR.

UNTUK ITU SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI, TERUTAMANYA KEPADA PETUGAS-PETUGAS DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS TANPA MENGIRA WAKTU UNTUK MENJADIKAN MAJLIS KONVOKESYEN INI SEBAGAI YANG TERBAIK PERNAH DIADAKAN.

INILAH SIKAP, MUFAKAT DAN KUALITI YANG PERLU ADA KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI JIKA KITA INGIN MELIHAT UNIVERSITI INI TERUS BERJAYA DAN DIHORMATI, DALAM USAHA KITA MENJADIKAN UTeM SEBAGAI UNIVERSITI YANG TERKEMUKA DI DUNIA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN, TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA STAF YANG TELAH TERPILIH UNTUK MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2006.

SERAMAI 91 ORANG STAF MENERIMA ANUGERAH PADA KALI INI. IA MEWAKILI LAPAN PERATUS DARIPADA KESELURUHAN STAF UNIVERSITI. TERDAPAT SERAMAI TUJUH ORANG MENERIMA PENGANUGERAH UNTUK KALI KEDUA DAN SEORANG MENERIMA UNTUK KALI KETIGA.

BAGI MEREKA YANG TIDAK MENERIMA ANUGERAH BUKAN BERMAKNA MEREKA TIDAK CEMERLANG TETAPI PIHAK UNIVERSITI PERLU MEMILIH MEREKA YANG BENAR-BENAR TERBAIK DARIPADA YANG

TERBAIK DI UNIVERSITI INI. KITA TIDAK MAHU MENJADIKAN MAJLIS ANUGERAH INI SEKADAR SATU MAJLIS TAHUNAN DAN SEMUA ORANG AKAN MENERIMANYA APABILA TIBA GILIRAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBAGAI NAIB CANSELOR SAYA MERASAKAN SEMUA STAF ADALAH LAYAK UNTUK MENERIMA PENGANUGERAHAN INI, KERANA STAF UTeM TELAH BENAR-BENAR MELETAKKAN UNIVERSITI INI BERADA PADA LANDASAN TERBAIKNYA DALAM MENCAPAI BANYAK KEMAJUAN.

DALAM TEMPOH PENUBUHAN KURANG TUJUH TAHUN, KITA TELAH BERJAYA MENAWARKAN PROGRAM YANG BERKUALITI BERMULA DARI PERINGKAT DIPLOMA SEHINGGA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH (PhD). PARA PENYELIDIK UTeM

TELAH MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN DENGAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG MEMBERANGSANGKAN. HASILNYA UNIVERSITI TELAH MEMENANGI BEBERAPA ANUGERAH PADA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA, MALAH TERDAPAT PENYELIDIKAN YANG DIMENANGI KINI DALAM PROSES PENGKOMERSILAN SERTA MENDAPAT PERHATIAN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

DARI SUDUT PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS, BERMULA DARI BEROPERASI DI RUMAH KEDAI, UTeM KINI TELAH MEMILIKI TIGA KAMPUS UTAMA IAITU KAMPUS INDUK DI DURIAN TUNGGAL, KAMPUS INDUSTRI DI AYER KEROH DAN KAMPUS BANDAR DI JALAN HANG TUAH. KEADAAN INI TELAH MEMBERI RUANG DAN SUASANA YANG LEBIH SELESA KEPADA PELAJAR SERTA STAF UNTUK MENJALANI RUTIN SEHARIAN.

BANYAK LAGI KEJAYAAN YANG TELAH DILAKUKAN OLEH UNIVERSITI SEHINGGA KINI SAMA ADA DALAM ASPEK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, TEKNOLOGI MAKLUMAT, PERUNDINGAN DAN SEBAGAINYA. SEMUANYA INI MENUNJUKKAN BAHAWA APABILA KITA MELETAKKAN KUALITI SEBAGAI KEUTAMAAN, INSYAALLAH KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN BAKAL MENYUSUL.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KITA TIDAK BOLEH BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YANG TELAH KITA PEROLEHI HARI INI. KALAU KITA TELAH BERPUAS HATI DENGAN APA YANG TELAH DICAPAI MAKA KITA AKAN KETINGGALAN. INI KERANA APABILA KITA TELAH MENCAPAI SESUATU KEJAYAAN MAKA KITA PERLU BERUSAHA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH TINGGI. INILAH YANG

DINAMAKAN KUALITI IAITU PENCAPAIAN YANG TIADA HADNYA DAN TIDAK TERHENTI.

MAKA ITU KITA PERLU MENINGKATKAN KECEKAPAN. BEKERJA DENGAN LEBIH TEKUN, LEBIH DEDIKASI, BERILTIZAM LEBIH TINGGI SERTA TIDAK MENGHARAPKAN IMBUHAN SEMATA-MATA SEMASA BEKERJA. KALAU INI DAPAT KITA TERAPKAN BERMAKNA KITA TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG DALAM ORGANISASI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

STAF YANG MEMPUNYAI BUDAYA KERJA CEMERLANG SENTIASA MENGUTAMAKAN KEHENDAK PELANGGAN DALAM APA JUA URUSAN YANG MELIBATKAN MEREKA. SEBAGAI UNIVERSITI AWAM, PELANGGAN-PELANGGAN KITA ADALAH

TERDIRI DARIPADA PELBAGAI AGENSI DAN LAPISAN MASYARAKAT IAITU KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, STAKE HOLDER, MAHASISWA, UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGARA DAN AGENSI-AGENSI LAIN YANG MEMERLUKAN LAYANAN YANG CEKAP, TELUS SERTA MESRA.

USAHA-USAHA PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN PERLU DILAKSANAKAN PADA SETIAP MASA. PERKARA-PERKARA NEGATIF SEMASA MEMBERI PERKHIDMATAN SEPERTI KERENAH, BIROKRASI, KELEWATAN MENGAMBIL TINDAKAN, LAMBAT MENYELESAIKAN MASALAH DAN PENYELEWENGAN BOLEH MENYEBABKAN KUALITI PERKHIDMATAN BERADA PADA TAHAP YANG RENDAH. KELEMAHAN DAN KEPINCANGAN INI PERLU DIPANDANG SERIUS SERTA DIATASI DENGAN SEGERA.

UNTUK ITU PIHAK UNIVERSITI TELAH MENGAMBIL USAHA-USAHA PENAMBAHBAIKAN UNTUK MENINGKAT KECEKAPAN STAF DAN MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKESAN. INI TERMASUKLAH DENGAN MENINGKATKAN KEMUDAHAN PENGGUNAAN INFORMASI TEKNOLOGI SEPERTI E-MESYUARAT, PENGGUNAAN SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (SMSM), QUEUE MANAGEMENT SYSTEM (QMS) DAN LAIN-LAIN.

DARI SUDUT PEMBANGUNAN STAF MEREKA DIBERI LATIHAN SECUKUPNYA SEPERTI MENGIKUTI KURSUS, SEMINAR DAN BENGKEL YANG DIKENDALIKAN DAN DIURUSKAN OLEH BAHAGIAN SUMBER MANUSIA. PARA PENSYARAH PULA DIDEDAHKAN DENGAN PENGETAHUAN DALAM ASPEK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN OLEH PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN. DI SAMPING ITU MEREKA JUGA DIGALAKKAN UNTUK

MEMBUAT PEMBENTANGAN KERTAS KERJA BAGI MEMASTIKAN MEREKA KOMPETEN DALAM BIDANG AKADEMIK.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

AKHIR SEKALI SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA STAF UTeM YANG TELAH BEKERJA DENGAN LUHUR, IKHLAS DAN AMANAH. SEMOGA PEKERJAAN YANG DILAKUKAN OLEH KITA MENDAPAT KEBERKATAN DAN KEREDHAAN DARI ALLAH SWT SERTA SAMA-SAMALAH KITA BERDOA SEMOGA UTeM TERUS MAJU KE HADAPAN.

SEKIAN TERIMA KASIH

WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, WSM WRT WBT.